

# Mercu tanda sejarah Berita Harian



## 1957

**1 Julai:** BH lahir di KL dengan tiga wartawan dan lapan halaman. Ia mempunyai biro di Singapura. Encik Hugh Mabbet pengurus editornya.

Cetakan pertama BH habis dijual dalam masa beberapa jam.

## 1958

**3 April:** Biro BH di sini pindah pejabat dari Cecil Street ke Times House, Kim Seng Road.



**April:** Encik Abdul Samad Ismail dilantik editor pertama.

## 1960

**10 Julai:** Berita Minggu (BM) dilancarkan

## 1969

Encik Mustaffa Suhaime dilantik editor.

**Mei:** Rusuhan kaum di KL merebak ke Singapura. BH ditutup buat sementara waktu.

## 1971

Biro BH di sini berpisah dari Malaysia dan menjadi harian tunggal Melayu Singapura.

## 1972

Encik Hussein Jahidin dilantik Editor BH Singapura.

## 1976

**16 Jun:** Encik Zainul Abidin Rasheed mengganti Encik Hussein sebagai editor.

## 1983

Encik Yatiman Yusof dilantik sebagai editor.

## 1987

**Julai:** BM diterbitkan dengan berwarna.

## 1990

Wartawan Inggeris Encik Omar Michael Cannon ditugaskan sebagai perunding cara BH selama 18 bulan.

## 1992

Satu tinjauan Singapore Research Survey (SRS) menunjukkan BH dibaca 188,000 orang.

## 1995

BH/BM cipta sejarah apabila dua wartawannya rangkul dua anugerah utama Divisyen Akhbar Inggeris dan Melayu (EMND).

► Laporan 'Ustaz kahwin 11 murid sendiri' oleh Encik Nizam Ismail menang Anugerah Berita Terbaik 1994.

► Rencana 'Ramai pelabur lebur' oleh Encik Saini Salleh menang Rencana Terbaik 1994.

## 1996

Rencana 'Bapa saya Leftenan Adnan' oleh Cik Hani Mustafa menang Anugerah Rencana Terbaik 1995.

**9 Mac:** Edisi elektronik cyBerita dilancar Timbalan Perdana Menteri ketika itu, Brigedier-Jeneral (Kerahan) Lee Hsien Loong.

## 1997

**1 Januari:** Encik Guntor Sadali menjadi editor. Beliau editor keenam menggantikan Encik Zainul Abidin Rasheed yang menceburi politik.

► Menjelang ulang tahun ke-40, edaran BH mencapai 57,000 naskhah.

► Tajuk berita 'Ber'GongXi' Raya' oleh Encik Rahmad Sakom rangkul Anugerah Tajuk Berita Terbaik 1996, kali pertama BH/BM menang kategori itu.

## 1999

**Mac:** Anugerah Jauhari Berita Harian dilancarkan bagi mengiktiraf individu yang telah memberi sumbangan atau meraih pencapaian cemerlang dalam bidang-bidang seperti pendidikan, perniagaan, seni dan budaya, sukan, kerjaya atau kerja kemasyarakatan.

## 2000

BH/BM rangkul Anugerah Infografik Terbaik 2000 tentang panduan mudah tunai ibadah haji oleh Encik Sulhan Rawi, Encik Mohd Samad Afandie, Encik Karim Nasir, Encik Tun Shariff dan Cik Salma Semono.

## 2002

**8 Mac:** BH/BM berpindah ke bangunan baru SPH di Toa Payoh North.

## 2003

Laporan 'Ikut peraturan uniform sekolah' oleh Cik Suhana A. Samat, Cik Yusmawati Yahya, Encik Chairul Fahmy Hussaini dan Encik Adli Yashir Kuchit menang anugerah Berita Terbaik 2002.

**Julai:** BH dengan kerjasama Channel i News julung-julung kalinya terbitkan dokumentari televisyen tentang penglibatan tiga anggota Jemaah Islamiyah (JI).

## 2005

**April:** BH rangkul Anugerah Perak kategori Percetakan Terbaik dalam Anugerah Media Asia Ifra.

## 2006

► Encik Mohd Samad Afandie merangkul Anugerah Infografik Terbaik 2005 dengan tajuk 'Jambatan baru Melontar Jamrah, Mina'.

► Encik Abdul Rahman Basrun merangkul anugerah Tajuk Berita Terbaik 2005 bagi tajuk 'SEIYU-nara'.

**Mac:** Kelab Obor dilancar.

**April:** BH rangkul Anugerah Emas bagi Kualiti Warna Akhbar Asia dan Anugerah

Perak bagi Infografik Terbaik (Rencana) bertajuk 'Sistem Mengesan Bencana Alam Lautan Pasifik' oleh Encik Mohd Samad Afandie dalam Anugerah Media Asia Ifra.

**September:** Kelab Ekoniaga BH dilancar.

## 2007

Encik Saini Salleh menang Anugerah Khas Tahunan bagi Kerja Konsisten 2006 bagi laporan-laporan tentang masalah Subutex.

**April:** Edaran BH/BM naik 9.3 peratus bagi enam bulan terakhir Februari – tertinggi dalam SPH.

**Mei:** Ruangan Tunas dilancar.

## 2009

**Februari:** Infografik 'Peluasan Masjidil Haram' hasil Encik Mohd Samad Afandie memenangi Anugerah Infografik Terbaik 2008 di upacara Anugerah Tahunan 2009 EMND.

**September:** Infografik berjudul Peluasan Masjidil Haram, hasil Encik Mohd Samad Afandie, raih Anugerah Perak, mengalahkan lebih 200 penyertaan dalam kategori infografik surat khabar semasa Anugerah Media Asia Ifra ke-8.

## 2010

**Februari:** Laporan Berita Minggu 'Pantai kita, rumah mereka' yang ditulis Encik Farid Hamzah, Encik Norman Sawi dan Encik Nazri Hadi Saparin merangkul Anugerah Rencana Terbaik.

**Ogos:** Akhbar Berita Harian menang anugerah emas berprestij Anugerah Media Asia bagi kategori percetakan dengan edaran di bawah 150,000 naskhah.

## 2012

**Februari:** Tajuk unik 'Ayah-Ayah Cinta' memenangi anugerah Tajuk Berita Terbaik, hasil Encik Abdul Rahman Basrun.

**1 November:** Encik Mohd Saat Abdul Rahman jadi Editor. Beliau editor ketujuh menggantikan Encik Guntor Sadali.

## 2013

**Mei:** Wajah baru Berita Harian/Berita Minggu antaranya bahagian gaya hidup bertukar nama kepada Gah!

**Jun:** Anugerah Jauhari Muda diperkenal.

**Disember:** Wadah media digital meliputi tiga edisi – laman web yang diberi nama BeritaHarian.sg; edisi tablet dan telefon bijak – dilancarkan.

## 2014

**Februari:** Acara pelancaran BH Digital.

**September:** Majalah dwibahasa kanak-kanak Cilik Cerdik, yang juga dipanggil Smart Kids dalam bahasa Inggeris, dilancarkan.

